

06/08/1998

Nafi hak jiran bukan lambang prestij

MALAM kelmarin, Kerajaan Singapura, menerusi satu kenyataan seorang jurucakap Kementerian Dalam Negeri (MHA) mengungkit beberapa persoalan berhubung isu pemindahan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Malaysia dari Tanjong Pagar ke Woodlands. Pada kita, isu ini sudah menjadi persoalan yang membabitkan dasar luar negara. Oleh itu, ia memerlukan cara penyelesaian yang lebih bertanggungjawab. Umum mengetahui dasar luar negara yang wujud atas kepentingan nasional sesebuah negara, dirumus di peringkat paling tinggi dalam kerajaan. Jika Singapura memahami pengertian fungsi diplomasi, kita yakin kenyataan yang membabitkan negara lain perlu dibuat secara lebih berwibawa. Malangnya, atas nama keegoan, ciri ini tidak dihalusi. Pada kita, dalam menangani beberapa isu sebelum ini, Singapura menunjukkan sikap gusarnya terhadap Malaysia, mungkin kerana bimbang terhadap saingan ekonomi dan pembangunan yang kian hebat di Malaysia. Sebagaimana terkandung dalam nota taklimat yang diberikan kepada semua Ahli Parlimen Parti Tindakan Rakyat (PAP) bertarikh 26 April 1997, ternyata Singapura berasa bahang `dasar prestij' republik itu ke atas Malaysia, kian terhakis. Oleh itu, jika dalam nota itu menyatakan: "Kita mesti dan akan menang, melakukan sesuatu supaya sentiasa berada di atas dan di barisan depan. Jika kita kalah, kita akan kehilangan segala yang kita pertahankan, semuanya yang kita perolehi sejak merdeka. Jika kita mempertahankannya untuk Singapura, kita akan menang...", ia tercetus daripada perasaan gemuruh dan bimbang akan kecundang.

Melihat kronologi hubungan Malaysia-Singapura, sebagaimana tajuk nota taklimat bertaraf untuk Ahli Parlimen PAP itu, kita melihat betapa isu pemindahan KIK ini hanyalah satu lagi strategi mempengaruhi minda rakyat untuk menyalahkan tindakan Malaysia. Malaysia tidak mempersoalkan hak Singapura untuk melakukan apa juga di negaranya. Dari segi undang-undang, kita juga tahu Singapura tidak boleh mempersoalkan hak Malaysia di negara itu, termasuk soal pemajakan tanah. Dalam konteks penempatan KIK di atas tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Tanjong Pagar, Singapura seharusnya menerima hakikat ia dilakukan dan dipersetujui menerusi perjanjian ketika kedua-dua negara itu di bawah pemerintahan penjajah British. Kita percaya ketika Malaysia diberitahu mengenai tujuan memindahkan KIK Singapura ke Woodlands pada 1989, ia dipersetujui dengan anggapan akan memudahkan penumpang kereta api yang kebanyakannya rakyat Malaysia dan Singapura. Kita tidak mahu penumpang terpaksa turun dan memunggah barang ketika masuk ke negara itu atau di Malaysia sekali pun. Kita tidak pasti sama ada beberapa siri perbincangan yang diadakan memperincikan dengan jelas implikasi yang mungkin berlaku akibat perpindahan itu. Kita yakin hanya selepas menyedari cadangan perpindahan itu sebenarnya tidak wajar dilakukan atas sesuatu alasan, maka kita perlu merujuk semula kepentingan bersama yang kita anggap melebihi kepentingan faktor lain. Jika sesuatu rancangan itu boleh merugikan rakan, sebagai negara jiran, Singapura sepatutnya memaklumkan ketika rundingan supaya tidak dilihat bertujuan menjerat.

Meneliti kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap Singapura kelmarin, kita rumuskan betapa Perdana Menteri mengingatkan republik itu Malaysia-Singapura mempunyai hubungan diplomasi yang amat intim. Perkara ini tidak boleh diambil mudah kerana pengabaian terhadap hubungan yang turut meliputi pertalian saudara itu, boleh berkecai jika tidak ditatang dengan perasaan rendah diri.

Bagi Malaysia, kita hanya menuntut supaya Singapura memberikan layanan yang berpada-pada. Apa yang menjadi hak seharusnya diiktiraf sebagai hak. Menafikan hak, bermakna menafikan kedaulatan negara. Menafikan hak negara lain, bermakna cuba menunjukkan kuasa. Ini bukanlah caranya kita mendokong pengertian diplomasi. Diplomasi dalam konteks Malaysia-Singapura sepatutnya diterima sebagai satu bentuk pengurusan hubungan dua negara berjiran menerusi rundingan. Hubungan yang tidak boleh dipadamkan daripada lipatan sejarah ini perlu menggunakan kebijaksanaan. Jika amalan diplomasi boleh dilakukan dengan baik antara negara merdeka di benua yang berbeza, sepatutnya bagi kedua-dua negara itu yang hanya dipisahkan oleh Selat Tebrau, ikatan yang tulus ikhlas itu tentulah boleh dilakukan dengan lebih mudah.

(END)